



## KENYATAAN AKHBAR

**Untuk siaran segera  
15 November 2023**

### **PNB KNOWLEDGE FORUM 2023 TEROKA POTENSI KERJASAMA ANTARA SEKTOR KORPORAT DAN PENDIDIKAN**

*Bertemakan “Education Reimagined”, forum ini tepat pada masanya apabila Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 bakal berakhir*

**KUALA LUMPUR, 15 November 2023:** Anak syarikat penyelidikan milik penuh Permodalan Nasional Bhd, PNB Research Institute Sdn Bhd, telah menganjurkan edisi kedua PNB Knowledge Forum 2023 (PKF II), menggariskan kepentingan pendidikan dan pelaburan dalam memupuk minda generasi muda, bakat masa depan dan ejen perubahan.

Forum ini bertujuan untuk memberikan pandangan bermakna untuk membantu mewujudkan model pembelajaran sepanjang hayat dan ekosistem pendidikan baharu yang akan menyiapkan rakyat Malaysia untuk masa hadapan.

Ia merupakan platform untuk memberi inspirasi kepada inisiatif kolaboratif dan penglibatan yang lebih besar sektor swasta melangkaui sumbangan tanggungjawab sosial korporat tradisional.

Tema forum ini, **“Education Reimagined”**, adalah tepat dan bersesuaian pada masanya kerana Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 akan berakhir dalam tempoh hampir dua tahun akan datang. Pencapaian pelan tindakan, impak transformatif, serta cabaran dan kerumitan masa depan dalam ekosistem pendidikan akan menjadi asas dan rujukan baharu bagi unjuran pertumbuhan pendidikan negara untuk kitaran perancangan tindakan seterusnya.

Pengerusi Kumpulan PNB, YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, “Masyarakat kita semakin pantas menjadi masyarakat digital dengan peluang ekonomi baharu

dan nilai yang dicipta berdasarkan model perniagaan yang disokong secara digital. Apabila inovasi teknologi berlaku, 44% kemahiran pekerja akan terganggu dalam tempoh lima tahun akan datang, menandakan keperluan untuk pendekatan pembelajaran baharu dan kemahiran semula tenaga kerja sedia ada.”

“Banyak negara telah bertindak balas terhadap perkara ini dengan tindakan yang didorong oleh teknologi dan mempercepatkan peralihan digital dalam pendidikan, walaupun dengan keputusan dan hasil pendidikan yang berbeza. Perbezaan dalam tahap celik digital dan akses tidak sekata kepada sambungan internet dan peranti yang berpatutan dan boleh dipercayai telah menambahkan lagi ketidakseimbangan dalam hasil pendidikan,” tambah beliau.

PKF II menampilkan empat ahli panel daripada institusi berbeza, iaitu, Bank Negara Malaysia, Capital A - Air Asia Academy, Arus Academy dan Teach For Malaysia, yang telah memberi impak ketara dan transformatif terhadap ekosistem pendidikan, modal insan dan pembangunan bakat.

Dalam sesi pivot mengenai **“Education Reimagined”**, empat orang ahli panel tersebut berkongsi visi mereka tentang sistem pendidikan masa depan dan menghuraikan isu-isu utama dan keperluan untuk ekosistem pendidikan. Tema-tema perbincangan termasuk teknologi dan kemanusiaan; ekuiti dan akses; kerjasama antara sektor swasta termasuk NGO dan perniagaan; menyemai budaya pembelajaran sepanjang hayat; kemahiran untuk masa depan; inovasi pengajaran; trend global; dan ukuran kejayaan.

PKF II telah dihadiri oleh lebih 400 orang peserta, terdiri daripada penggubal dasar, kepimpinan utama, dan pengurusan kanan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat tersenarai awam, agensi pendidikan dan yayasan biasiswa. Turut hadir, ahli ekonomi, pengurus dana, pelabur institusi dan pihak berkuasa kawal selia.

-Tamat-

#### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut,sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

## **PETIKAN DARI AHLI PANEL**

“Forum ini adalah yang pertama seumpamanya, menyediakan ruang kepada individu dari sektor pendidikan dan korporat untuk memahami jurang dan kekuatan antara satu sama lain. Ia juga meneroka kemungkinan untuk kami bekerjasama.”

“Syarikat korporat perlu memahami cabaran yang dihadapi oleh Kementerian Pendidikan dalam mengadakan program yang baik untuk kanak-kanak dan pelajar di negara ini.”

“Sektor korporat tidak begitu mengetahui apa yang berlaku di lapangan. Jadi, peluang untuk sektor korporat bekerjasama dengan pihak Kementerian itu sentiasa terbuka, dan juga peluang untuk sektor korporat memikirkan semula bagaimana mereka mahu membangunkan bakat untuk negara.”

- ***Pengarah Modal Insan Bank Negara Malaysia, Nurashikin Md Sharif.***

“Penganjuran forum ini amat baik kerana ia membolehkan pemimpin industri bertemu, membuat rangkaian dan menjentik fikiran masing-masing mengenai berita terkini, aliran atau perkembangan perniagaan.”

“Pendidikan tidak seharusnya hanya khusus pada usia di mana sewaktu anda mendapatkan pendidikan formal. Ia sepatutnya mudah dan fleksibel serta boleh membantu anda meningkat dan mengoptimumkan keupayaan anda. Ia harus dipupuk pada setiap peringkat kehidupan anda, bukan hanya 17 hingga 20 tahun yang pertama.”

- ***Capital A Presiden (Pelaburan & Ventures), Aireen Omar.***

“Inisiatif ini adalah penting dalam usaha kita menyatukan semua orang dari seluruh industri untuk memahami cabaran dalam pendidikan.”

“Mentransformasi dan membayangkan semula pendidikan adalah isu yang begitu kompleks. Setiap daripada kita mempunyai peranan untuk mengubah sektor pendidikan, tidak kira siapa anda dalam masyarakat.”

- ***Ketua Pegawai Eksekutif Teach For Malaysia, Chan Soon Seng.***

“Sesi perkongsian yang diadakan hari ini adalah penting untuk kita mendengar pendapat dari sudut pandangan serta kumpulan orang yang berbeza, terutamanya mengenai topik penting yang sering dibincangkan dalam industri masing-masing.”

“Penting bagi kita untuk melihat isu semasa pada masa ini dan memberi tumpuan kepada membina kemahiran watak anak-anak kita sama seperti kita lakukan untuk kemahiran kognitif mereka supaya mereka boleh membesar dan menjadi lebih berempati, berdaya tahan, bermotivasi dan menegakkan kemanusiaan, tidak kira bagaimana keadaannya pada masa depan.”

- ***Pengasas Bersama Arus Academy, Alina Amir.***